

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2012 / 2013
31 OKTOBER 2012 (RABU), JAM 3.30 PETANG
AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP**

.....

Yang Dihormati En. Soon Lip Chee

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Kerja Mesra Alam LA21, MPSP

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati En. Lee Hock Chuan

Pengarah Kanan Flextronics Techonology (Penang) Sdn Bhd

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2012/2013 pada hari ini.

Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2012/2013 merupakan salah satu daripada projek di bawah Program *Local Action 21* Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama dan tajaan daripada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd. Ucapan ribuan terima kasih kepada Flextronics Technology kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dan menaja program.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif dan penambahbaikan yang dijalankan oleh komuniti dalam menambahbaik kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan *Local Action 21* Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah seperti:

- Kitar Semula
- Kompos

- Eco Enzim
- Jus Enzim
- Penanaman pokok, pengindahan dan pembersihan kawasan
- Dusun bandar
- Sesi pendidikan berkenaan dengan isu pembangunan mampan
- Kesedaran ke atas rancangan pemajuan, impak alam sekitar, sosial dan ekonomi
- Kesedaran dan penyertaan dalam program MPSP dan agensi lain
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukit, sungai dan tasik
- Skim menganak-angkat kemudahan awam
- Skim pengawasan kejiranan dan kawalan keselamatan
- Sambutan Perayaan Hari Kebesaran
- Cintai kemudahan awam
- Gotong-royong
- Penyediaan kemudahan bagi kumpulan OKU dan warga kanan
- Dan lain-lain

Ini hanya contoh kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menambahbaik kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mempunyai inisiatif yang lebih baik dan berbeza adalah digalakkan untuk dipraktikkan di kawasan perumahan masing-masing.

Program Anugerah ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), *Joint Management Body* (JMB) dan *Management Corporation* (MC) di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Manakala dari segi skema permarkahan yang digunapakai juga adalah sedikit berbeza iaitu 90% adalah daripada panel penilai manakala 10% lagi akan dinilai oleh rakan-rakan peserta yang berasaskan pembentangan oleh para peserta.

Pemenang akan memperolehi ganjaran berbentuk wang tunai dan sijil kepujian.

Tempat Pertama : RM 3,000.00 dan Sijil Kepujian

Tempat Kedua : RM 2,000.00 dan Sijil Kepujian

Tempat ketiga : RM 1,500.00 dan Sijil Kepujian

5 Hadiah Saguhati : RM 1,000.00 dan Sijil Kepujian

Hadiah-hadiah ini merupakan tajaan oleh Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. Terima kasih Flextronics.

Selain itu, saya juga difahamkan bahawa seramai 29 kakitangan Flextronics yang akan terlibat sebagai Fasilitator kepada komuniti-komuniti yang mengambil bahagian. Fasilitator-fasilitator ini akan bekerjasama dengan MPSP untuk memberi pandangan dan tunjuk ajar kepada para peserta.

Tuan-tuan dan puan-puan yang ingin mengambil bahagian boleh memperolehi borang melalui laman web MPSP (*www. mpsp. gov.my/ Local Action 21*).

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Anugerah ini adalah selaras dengan Fokus MPSP 2012 yang pertama - Pembersihan dan Kehijauan dan Fokus MPSP 2012 yang kedua - Mewujudkan Eko-Komuniti. Selain daripada anugerah ini, MPSP juga mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang melibatkan komuniti seperti Program senamrobik, program pengkomposan di pasar awam, Program pengumpulan sisa dapur organik di taman-taman perumahan dan pasaraya.

Melalui aktiviti-aktiviti sebegini, bukan sahaja hubungan diantara MPSP dengan wakil-wakil komuniti dijalinakan tetapi dengan aktiviti seperti ini juga, pihak Majlis dapat mengetahui keperluan, kehendak ataupun masalah yang dihadapi penduduk secara tidak langsung. Contohnya, melalui Program Senamrobik yang diadakan 2 minggu sekali, ia bukan sahaja menyihatkan badan tetapi semasa program tersebut, MPSP menyediakan kaunter pembayaran untuk membuat pembayaran tanpa perlu hadir ke kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda. Selain itu, pegawai-pegawai MPSP yang hadir akan menjawab persoalan-persoalan yang ditanyakan oleh penduduk.

Program pengumpulan sisa dapur organik yang diadakan di taman-taman perumahan dan perkampungan terpilih berjaya mengumpulkan 11,402.25kg sisa dapur hasil daripada penduduk yang mengambil bahagian di Taman Bagan Lalang, Perkampungan Jawi dan penduduk sekitar Bukit Panchor. Melalui program seperti ini, ia bukan sahaja mengurangkan pembuangan sampah tetapi juga dapat memastikan kebersihan dan keindahan di taman terjaga.

Selain mengadakan program bersama komuniti, MPSP juga mengadakan program bersama-sama dengan pihak sekolah untuk mendidik dan memupuk anak-anak sekolah dalam budaya meningkatkan kehijauan dan memelihara alam sekitar. Program-program yang dijalankan adalah seperti Program Sisa Sifar, Program Pengkomposan, Program membuat sabun dengan menggunakan minyak terpakai, membuat mudball untuk meningkatkan kualiti air sungai dan lain-lain.

Budaya begini akan terus digalakkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam mewujudkan *sustainable community* (komuniti mampan) yang mampu menyokong pertumbuhan dan pembangunan Seberang Perai. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua, para jemputan serta wakil media atas sokongan dan kerjasama yang diberikan selama ini. Juga diharapkan supaya semua program-program LA 21 Seberang Perai ini dapat memanfaatkan semua pihak termasuklah meningkatkan praktis tanggungjawab sosial korporat yang baik di Seberang Perai.

Dengan harapan tersebut, saya melancarkan Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2012/2013.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan sekian terima kasih.